

UNIT 5

Kami Bersamamu

 **Mendengar dan Bertutur**

Tahniah, Mak Usu Nia!

Tahniah, mak usu kerana berjaya membuka butik pakaian pengantin.

Terima kasih, Arissa kerana sudi datang ke majlis pembukaan butik mak usu ini.

Usaha dan kejayaan mak usu akan saya contohi. Saya akan membantu mak usu untuk mengedarkan risalah.

Butik pakaian pengantin ini dibuka atas sokongan dan dorongan keluarga. Semoga impian Arissa tercapai suatu masa nanti.



Butik Pakaian Pengantin Nur

Salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada semua anggota keluarga dan rakan-rakan yang menyokong saya selama ini. Kejayaan saya pada hari ini adalah atas sokongan dan dorongan anda semua. Oleh itu, anda dijemput hadir ke perasmian Butik Pakaian Pengantin Nur.

Sekian, terima kasih.

TEMA 2

 **Aktiviti**

Arahan: Berpandukan perbualan di atas jawab semua soalan di bawah.

1. Bagaimanakah Arissa membantu Mak Usu Nia?

Cikgu RohaniAj

2. Mengapakah Arissa mengucapkan tahniah kepada Mak Usu Nia?

3. Berikan 2 nilai murni yang terdapat dalam perbualan tersebut?

Nama:

Tarikh:



Cikgu RohaniAj